

Ekonomi boleh hadapi sebarang perubahan, kata Anwar
Malaysian Insider
April 18,2013

KUALA LUMPUR, 18 April — Ekonomi negara boleh hadapi sebarang kejutan jangka pendek atau kewangan daripada perubahan kerajaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini sebagai membalas terhadap kebimbangan saham dan mata wang ringgit bakal menjunam jika Barisan Nasional (BN) tewas pada Pilihan Raya 2013.

Beliau berkata mana-mana kerajaan baru di bawah Pakatan Rakyat (PR) akan memastikan proses peralihan yang lancar dengan hanya gangguan minimum, untuk mengurangkan kebimbangan terhadap sebarang bentuk ketidaktentuan dan ketidakstabilan.

Semalam dalam temu bual dengan Bloomberg, Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak meramalkan pasaran akan jatuh jika BN hilang.

Tetapi beliau berkata akan mematuhi keputusan pengundi walaupun BN kalah.

"Ia adalah lebih baik untuk kita menangani perubahan dan bukannya perubahan yang dilepaskan dengan cara yang tidak terkawal," kata Najib, 59.

"Di negara yang terlibat dalam apa yang dipanggil Arab Spring, kini orang ramai memanggilnya sebagai Arab Winter pula sekarang."

Dalam maklum balas hari ini, Anwar berhujah bahawa risiko penurunan keatas kemenangan PR di peti undi adalah terhad.

"Hasil (pilihan raya) akan ditentukan oleh orang-orang yang kita percaya perlu diberi segala cara untuk melakukan pilihan yang rasional dan bermaklumat.

"Kami percaya bahawa panggilan yang semakin kuat untuk perubahan ke arah Malaysia yang baru dan lebih baik mewakili kebangkitan rakyat dengan perubahan rejim yang akan berlaku melalui peti undi," kata ketua pembangkang itu dalam satu kenyataan.

Beliau membuat pengecualian ke atas usaha Najib untuk mengaitkan proses itu dengan Arab Spring atau menubangkan kerajaan menerusi revolusi.

"Perubahan penting dalam usaha untuk meningkatkan daya saing jangka panjang Malaysia sedunia dan melonjakkan potensi jangka panjang pertumbuhan ekonomi Malaysia melangkaui 6 peratus."

Anwar berkata bahawa kerajaan persekutuan di bawah beliau akan berusaha untuk mencari keseimbangan sepatutnya antara keperluan untuk terus membebaskan ekonomi dan mempertahankan hak serta kepentingan golongan miskin, terpinggir dan kurang bernasib baik.

"Menghapuskan rasuah, kapitalisme kroni dan amalan mencari sewa; membuang sekatan bagi kebebasan sivil dan membasmi segala bentuk penyelewengan akan menjadi matlamat dasar utama," katanya.

Dalam temu bual Bloomberg, Najib menyifatkan PR sebagai "hanya suka membangkang, tidak memiliki koleksi-ideologi yang serasi sebagai sebuah parti."

Beliau berkata janji-janji PR akan “menjadikan Malaysia sebuah negara yang hebat daripada segi pencapaian. Pasaran, mata wang, akan menyebabkan penurunan yang mendadak”.

Anwar telah berikrar untuk menarik semula penekanan kaum kepada kaum majoriti masyarakat Melayu, memotong harga minyak, elektrik dan tarif air, menghapuskan tol dan memsubsidikan pendapatan tinggi, seperti dilaporkan Bloomberg.

Laporan itu juga menyatakan bahawa perubahan dalam kerajaan boleh mengakibatkan beberapa kelemahan pasaran jangka pendek, kata Choo Swee Kee, yang menyelia RM700 juta dimana beliau juga merupakan ketua pegawai pelaburan TA Investment Management Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

“Akhirnya sesiapa yang membentuk kerajaan masih akan melaksanakan dasar yang menekankan perniagaan. Ia sepatutnya tidak mempunyai gangguan besar kepada perniagaan.”

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ekonomi-boleh-hadapi-sebarang-perubahan-kata-anwar/>